



**PEKELILING AKADEMIK BIL. 10/2022**

**Semua Dekan/Pengerusi/Ketua Pusat/Jabatan/Program**

Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina  
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat  
Fakulti Sains dan Teknologi  
Fakulti Sains Kesihatan  
Fakulti Undang-Undang  
Fakulti Pengajian Islam  
Fakulti Pendidikan  
Fakulti Farmasi  
Pusat Pengajian Citra Universiti

YBhg. Prof./Dato'/Datuk/Datin/Dr./Tuan/Puan,

**PENGESAHAN MAKLUMAT KEPERLUAN PEPERIKSAAN AKHIR PRASISWAZAH  
SEMESTER 2 SESI AKADEMIK 2021/2022**

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa minggu Peperiksaan Akhir Semester 2 Sesi Akademik 2021/2022 akan diadakan mulai **18 Julai 2022 hingga 7 Ogos 2022**. Pengendalian peperiksaan akhir ini mengikut panduan pengurusan peperiksaan prasiswazah yang telah diberi pengiktirafan ISO 9001:2015.
3. Sehubungan dengan itu, bagi melancarkan urusan pengendalian Peperiksaan Akhir Semester 2 Sesi Akademik 2021/2022, Pusat ini memohon jasa baik YBhg. Prof./Dato'/Datuk/Datin/Dr./Tuan/Puan mendapat kerjasama pensyarah-pensyarah terlibat supaya membuat **Pengesahan Maklumat Keperluan Peperiksaan** melalui **SMPweb** (<http://smplucee.ukm.my/smpweb>).
4. Garis panduan untuk mengisi Maklumat Keperluan Peperiksaan adalah seperti berikut:-
  - i) Urusan pengesahan Borang Maklumat Keperluan Peperiksaan Akhir Semester 2 Sesi Akademik 2021/2022 boleh dibuat mulai **4 April 2022 hingga 1 Mei 2022**.
  - ii) Penyelaras kursus diminta memasukkan maklumat keperluan peperiksaan ke dalam **SMPweb**. **Untuk makluman, jumlah soalan maksima yang dibenarkan untuk Borang OMR adalah 125 Soalan SAHAJA.**



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013

CERT. NO. ISMS 00249

**PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)**

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8911 8450/8460/8461/8458/8454/8459 E-mel: [akad@ukm.edu.my](mailto:akad@ukm.edu.my)


Web: [www.ukm.my/akademik](http://www.ukm.my/akademik)

- iii) Penyelaras kursus diminta menyelaraskan tempoh peperiksaan kepada tempoh berikut bagi memudahkan penyelarasan penjadualan peperiksaan:
- 1 jam
  - 1 jam 30 minit
  - 2 jam
  - 2 jam 30 minit
  - 3 jam
- iv) Pensyarah set lain atau ahli kumpulan pengajar lain boleh membuat semakan kepada borang tersebut tetapi tidak boleh membuat sebarang pindaan. Jika terdapat pindaan yang ingin dilakukan, maka pensyarah tersebut perlu memaklumkan kepada penyelaras kursus.
- v) Sekiranya nama pensyarah tidak terdapat pada set tersebut, sila maklum kepada Ketua Penolong Pendaftar Kanan/Ketua Penolong Pendaftar/ Penolong Pendaftar Kanan/ Penolong Pendaftar Fakulti/Pusat masing-masing.
- vi) Pihak Fakulti/Pusat juga diminta membuat pemantauan urusan pengesahan maklumat keperluan peperiksaan ini.

5. YBhg. Prof./Dato'/Datuk/Datin/Dr./Tuan/Puan boleh menghantar emel kepada [smpweb@ptm.ukm.my](mailto:smpweb@ptm.ukm.my) atau **Cik Suhaida Abd Rahman** ([suhaida@ukm.edu.my](mailto:suhaida@ukm.edu.my)) dan **Encik Khairul Irman Mohd Yusof @Sutris** ([rul@ukm.edu.my](mailto:rul@ukm.edu.my)) di Pusat Pengurusan Akademik untuk pertanyaan dan maklumat lanjut. Kerjasama dan bantuan pihak Fakulti/Pusat bagi memastikan urusan peperiksaan akhir ini berjalan dengan lancar amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



**MUHAMMAD WALID OSMAN**  
Timbalan Pendaftar  
Pusat Pengurusan Akademik

- s.k.
- Timbalan Naib Canselor, (Akademik dan Antarabangsa)
  - Pengarah, Pusat Pembentukan Pendidikan Lanjutan & Profesional (UKMShape)
  - Pengarah, Pusat Teknologi Maklumat
  - Pengarah, Pusat Jaminan Kualiti (Kualiti-UKM)
  - Pengarah  
Pusat Pengajaran dan Pembangunan Kurikulum (Pengajaran-UKM)
  - Pengarah, Pusat Pembangunan Keusahawanan dan EKS (UKM-CESMED)
  - Ketua Penolong Pendaftar/Penolong Pendaftar Kanan/Penolong Pendaftar Fakulti/Pusat



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013

CERT. NO. ISMS 00249

**PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)**

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8911 8450/8460/8461/8458/8454/8459 E-mel: [akad@ukm.edu.my](mailto:akad@ukm.edu.my)

Web: [www.ukm.my/akademik](http://www.ukm.my/akademik)